

**MAJLIS PERBANDARAN KAJANG  
TAWARAN SEBUTHARGA**

Tawaran ini adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang memiliki **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (SPPK)**, dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** dari **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dalam gred, kategori dan pengkhususan berkaitan dan memiliki **Sijil Taraf Bumiputera** dari **Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU)**, atau syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)** dalam bidang dan jenis pendaftaran yang berkaitan bagi perolehan yang berkenaan. Kontraktor/ syarikat juga perlu berdaftar dengan **Unit Perancang Ekonomi (UPEN) Selangor** dan masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja/ perkhidmatan/ bekalan berikut:

No. Sebutharga	Tajuk Projek	Pendaftaran dan Taraf	Gred, Kategori Dan Pengkhususan	Harga Dokumen (RM)	Tarikh Dokumen Dijual
MPKj S 71/2022	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Bumbung Rumah Pangsa Kos Rendah Taman Desa Mewah, Semenyih	CIDB G1	CE21	RM50.00	20 Mei 2022 Hingga 27 Mei 2022
MPKj S 72/2022	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Bumbung Blok 10, Jalan 6C/11, Seksyen 16, Bandar Baru Bangi (Seksyen 16)				
MPKj S 73/2022	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Bumbung Blok 6, Jalan 6C/11, Seksyen 16, Bandar Baru Bangi				

**TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK**

Penyebutharga adalah **DIGALAKKAN** untuk menghadiri taklimat dan lawatan tapak seperti ketetapan berikut:

Tarikh : 19 Mei 2022 (Khamis)  
Waktu Pendaftaran : 8.30 Pagi – 9.30 Pagi  
Waktu Taklimat : 9.30 Pagi  
Tempat : Dewan Seri Cempaka, MPKj,  
Persiaran Saujana Impian, Saujana Impian,  
43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan.

\* Taklimat dan lawatan tapak adalah tidak diwajibkan. Namun begitu, Penyebutharga dinasihatkan supaya menghadiri taklimat dan lawatan tapak sebelum mengemukakan sebutharga bagi mengetahui lebih lanjut mengenai maklumat terperinci mengenai sebutharga tersebut. Sebarang tuntutan akibat kesilapan dalam menghargakan sebutharga disebabkan kekurangan pengetahuan mengenai sebutharga tidak akan dilayan.

\* Hanya **Pemilik/ Penama Sahaja Diwajibkan** untuk menghadiri taklimat dan lawatan tapak ini. Sila bawa bersama **Sijil Asal Pendaftaran**.

\* Penyebutharga hendaklah lengkap divaksinasi dengan 2 dos dan telah melepasi tempoh masa yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) semasa menghadiri taklimat dan lawatan tapak. Penyebutharga dinasihatkan untuk sentiasa mematuhi Prosedur Standard Operasi (SOP) dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) semasa menghadiri taklimat dan lawatan tapak seperti memastikan penjarakan fizikal dan pemakaian pelitup muka.

**DOKUMEN MEJA TERKAWAL**

Penyebutharga boleh merujuk Dokumen Meja Terkawal di laman sesawang Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) di <http://www.mpkj.gov.my/ms>.

Penyebutharga terlebih dahulu dikehendaki mendaftar secara atas talian di laman sesawang <http://tender.selangor.gov.my> dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) sebelum membeli Dokumen Tawaran.

Sila pastikan **MAKLUMAT SYARIKAT** (nombor telefon yang boleh dihubungi dan email) di dalam Sistem Tender Online Selangor 2.0 **DIKEMASKINI**.

**Pembelian Dokumen Tawaran secara atas talian diwajibkan melampirkan salinan resit asal bayaran semasa tarikh tutup sebutharga. Resit tersebut hendaklah dilampirkan di muka surat hadapan dokumen. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan Dokumen Tawaran ditolak.**

Tempoh penjualan Dokumen Tawaran adalah pada **20 MEI 2022 HINGGA 27 MEI 2022**. Dokumen Tawaran tidak akan dikeluarkan selepas dari tarikh tersebut.

#### **TARIKH PENYERAHAN**

Dokumen Tawaran yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan bertanda dengan tajuk kerja berkenaan dan **dimasukkan ke dalam Peti Tawaran** atau menggunakan perkhidmatan Pos Berdaftar/ Kurier dan memastikan Dokumen tersebut selamat tiba **SEBELUM atau PADA 27 MEI 2022 (JUMAAT) JAM 12.00 TENGAH HARI** di alamat:

**Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Kajang  
(Peti Sebutharga/ Tender)  
Tingkat 6A, Bahagian Bekalan Dan Perolehan  
Menara MPKj  
Jalan Cempaka Putih, Off Jalan Semenyih  
43000 Kajang  
Selangor Darul Ehsan**

Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.

Pihak tuan/ puan hendaklah lengkap divaksinasi dengan 2 dos dan telah melepasi tempoh masa yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) semasa menghantar Dokumen Tawaran dan digalakkan untuk menghantar Dokumen Tawaran seawal tiga (3) hari bekerja sebelum tarikh tutup yang telah ditetapkan. Ini adalah bagi memastikan Prosedur Operasi Standard (SOP) dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) semasa menghantar Dokumen Tawaran seperti memastikan penjarakan fizikal dipatuhi dan tidak dibenarkan menghantar Dokumen Tawaran secara berkumpulan.